



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

**KERATAN AKHBAR
DAN
BERITA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

8 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

8 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)

Kini RM10 boleh makan 2 kali

Program Payung Rahmah banyak bantu kelangsungan hidup golongan kurang berkemampuan



Oleh Sudirman Mohd Tahir
 sudirman@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pengenalan Konsep Payung Rahmah perlu terus diperkukuhkan bagi menangani cabaran kos sara hidup rakyat di negara ini tatkala berdepan dengan situasi ekonomi semasa.

Malah, inisiatif cetusan idea bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub itu akan menjadi pembakar semangat kepada kerajaan untuk melakukan yang terbaik demi rakyat.

Bagi menyahtu seruan itu, terdapat syarikat besar mahupun kecil yang menyambut baik Program Payung Rahmah berkenaan dengan memperkenalkan menu dan harga Rahmah di premis masing-masing sehingga kini.

Bagi Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holding Berhad (Mydin), Datuk Dr Ameer Ali Mydin, inisiatif yang diperkenal dan dimulakan oleh Allahyarham itu sangat dekat di hati rakyat terutama golongan kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah.

"Program Payung Rahmah ini satu inisiatif yang lain daripada yang lain. Ini kerana, ia sangat dekat di hati rakyat. Implikasi program ini memang disasarkan kepada rakyat apatah lagi mereka yang tergolong dalam B40.



AMEER (tengah) sambut baik Program Payung Rahmah diperkenalkan KPDN.



JAWAHAR tak sanggup bentikan Menu Rahmah di rangkaian restoran miliknya.

"Mydin satu-satunya parramai dipanggil oleh KPDN ketika itu untuk terabit dalam program ini. Alhamdulillah, bila kita buat, ramai datang. Malah, harga yang kita perkenalkan pun lebih murah daripada pasaran. Sambutan menggalakkan hingga kini.

"Diikuti, walaupun tiada keuntungan, bagi saya ini adalah satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) daripada Mydin. Ini cara kami nak bagi balik pada pelanggan setia Mydin. Apa saya harapkan, mereka akan terus mendoakan kami," katanya.

Katanya, biarpun siapa pun menteri yang bakal menerajui KPDN diharapkan akan meneruskan Program Rahmah ini.

"Saya juga berharap lebih ramai kawan-kawan saya dan peniaga lain turut serta dalam inisiatif ini. Jangan selalu ingat keuntungan," katanya.

Pemilik Rangkaian Restoran Ali Maju, Datuk Jawahar Ali Taib Khan berkata, kesemua rangkaian restoran

miliknya masih meneruskan Menu Rahmah kerana percaya ia sangat diperlukan dan membantu ramai orang. "Saya sahut seruan menteri ketika itu kerana ia satu inisiatif yang

unik. Walaupun tidak ada subsidi atau insentif daripada kerajaan, saya jadikan ia sebagai CSR kepada rakyat.

"Semua rangkaian restoran Ali Maju masih ada Menu Rahmah dengan niat keperluan memang tinggi. Saya tak tergamak nak hentikan. Alhamdulillah, daripada awal sampai sekarang masih dapat sambutan.

"Banyak tanya soal untung dan rugi, ka-

lau nak kata untung tak munasabah sebab kita jual murah. Saya jadikan ini sebagai amal jariah dalam berniaga. Dulu RM10 boleh makan sekali, sekarang dengan jumlah sama dapat makan dua kali sehari," katanya.

Katanya, beliau sentiasa menyokong dan menyambut baik jika program berkenaan diteruskan.

"Sebab mana-mana syarikat yang terabit dalam Program Payung Rahmah ini pun atas dasar sukarela. Macam Menu Rahmah ini pun, tidak ada pengkhususan siapa yang layak. Ia terbuka kepada semua yang nak beli," katanya.

Sementara itu, Pemilik dan Pengurus Warung Pecel Lele di Medan Selera TS Sport Arena, Cyberjaya, Muhammad Sulhasbi berkata, dia masih menawarkan Menu Rahmah kerana sambutan yang baik selain dapat membantu meringankan kos sara hidup golongan memerlukan.

"Alhamdulillah, sambutan terhadap Menu Rahmah ini sangat baik. Tiada penyesalan saya menawarkan Menu Rahmah kerana saya melihat ra-

mai yang suka selain nak membantu meringankan kos perbelanjaan makanan pengguna.

"Set makanan yang kami perkenalkan pelbagai dan banyak pilihan, tidak terhad pada satu menu saja. Malah, kami beri sentuhan dengan menamakannya dengan nama menteri. Menu yang ada sesuai untuk sarapan dan makan tengah hari.

"Terima kasih kepada KPDN yang memperkenalkan Program Payung Rahmah ini dan harapnya ia dapat diteruskan. Ternyata program sebegini sangat diperlukan rakyat sekali gus membantu meringankan kos sara hidup," katanya.

Dalam pada itu, ibutunggal, Intan Maziah Mohd Noor, 60, turut menyuarakan pendapat sama kerana menganggap inisiatif yang diperkenalkan KPDN membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

"Program Payung Rahmah ini sangat bagus sebab ia dapat bantu orang ramai yang memerlukan dengan membeli barang pada harga murah. Memang sangat perlu diwujudkan program sebegini kerana kita tahu ramai yang hidup susah," katanya.

"Tiada penyesalan saya tawarkan Menu Rahmah kerana ramai yang suka"
 Sulhasbi



INISIAFIVE Menu Rahmah yang diperkenalkan dan dimulakan Salahuddin sangat dekat di hati rakyat terutama golongan kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah.

More Rahmah Sales sites planned for Pulai

JOHOR BAHRU: The Rahmah Sales initiative can be strengthened by having more locations to conduct the programme, especially in densely populated areas, said Pakatan Harapan (PH) candidate in the Pulai by-election Suhaizan Kaiat.

He said he would propose the matter to the government as an effort to help the people deal with cost of living issues.

Suhaizan, who was political secretary to the late Domestic Trade and Cost of Living minister Datuk Seri Salahuddin Ayub, said this was among his plans to continue with Salahuddin's legacy if he was elected as the MP for Pulai.

"We see that improvements can be made, such as increasing the types of products sold under the Rahmah Sales to include more items other than necessities," he said at a Rahmah Sales event in the Perling People's Housing Project here on Wednesday.

"The initial initiative was to hold the Rahmah Sales at one location in each state constituency across the country," he said.

The Domestic Trade and Cost of Living Ministry's plan is to implement the Rahmah Sales twice a month in all 640 state constituencies nationwide, beginning August and targeting 6,400 locations.

Suhaizan is in a three-cornered fight with Perikatan Nasional's Zulkifli Jaafar and independent candidate Samsudin Mohamad Fauzi.

The Pulai parliamentary and Simpang Jeram state seats fell vacant after the death of Amanah deputy president Salahuddin on July 23. - Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE (KPDN)

8 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)

BERITA ONLINE BERTARIKH 8 SEPTEMBER 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
8-Sep	Kedai serbaneka jual makanan import guna sijil halal tidak sah	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/277706	SH
8-Sep	Penyeludup diesel pecut sampai terbabas	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1007193/penyeludup-diesel-pecut-sampai-terbabas	HM
8-Sep	Penyeludup ditahan selepas tak jumpa jalan keluar	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/wilayah/2023/09/1149427/penyeludup-ditahan-selepas-tak-jumpa-jalan-keluar	BH